

Sampah: MPS akan kenakan denda RM500

SEREMBAN: Majlis Perbandaran Seremban (MPS) mengingatkan orang ramai agar tidak membuang sampah merata-rata kerana mereka boleh dikenakan kompaun maksimum sehingga RM500 jika dikesan melakukan kesalahan itu.

Yang Dipertuanya, Abdul Halim Abdul Latif, berkata papan tanda peringatan berhubung perlakuan itu serta tindakan yang boleh diambil sudah ditempatkan di lokasi strategik sekitar kawasan bandar ini.

Antara tumpuan penguatkuasaan, katanya, ialah di kawasan Sungai Temiang, di sini bagi mengesan orang ramai yang membuang sisa ke dalam sistem saliran terbabit.

Katanya, orang ramai tidak boleh menggunakan alasan tidak tahu perbuatan mereka itu satu kesalahan kerana papan tanda peringatan sudah diletakkan di lokasi yang mudah dilihat.

"Orang ramai perlu prihatin dengan keadaan kebersihan sungai kerana MPS memperuntukkan RM70,000 bagi kerja pembersihan dan pengindahan sehingga akhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata, MPS sedang bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membersihkan Sungai Temiang selain membaik pulih tembok dan tebing sungai serta mendapan pasir.